

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 22

RUANGAN : NASIONAL

Orang ramai pilih kekal pakai pelitup muka



Tinjauan BH mendapati masih ada pengguna pengangkutan awam kekal memakai pelitup muka di Stesen LRT Masjid Jamek, Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Amirudin Sahib/BH)

Kuala Lumpur: Bermula semalam, penggunaan pelitup muka tidak lagi diwajibkan dalam pengangkutan awam dan fasiliti kesihatan termasuk hospital.

Bagaimanapun ramai memilih untuk kekal menggunakan pelitup muka dengan tinjauan *BH* mendapati, rata-rata mereka memberi alasan sudah terbiasa memakainya, terutama di lokasi sesak dan tertutup, selain sebagai langkah pencegahan untuk mengelak dijangkiti penyakit atau mungkin menjangkiti orang lain.

Akauntan, Ayu Syazirah, 26, berkata dia memilih untuk terus memakai pelitup muka ketika mengunjungi hospital kerana menyedari dirinya mempunyai tahap antibodi lemah, selain untuk mengurangkan risiko dijangkiti virus COVID-19.

"Ya keperluan untuk saya terus memakai pelitup muka ketika di hospital, menaiki LRT (transit aliran ringan) atau komuter kerana kita semua tahu virus COVID-19 masih lagi ada walaupun sudah berkurangan jika dibandingkan

sebelum ini.

"Kita juga masih lagi berisiko untuk dijangkiti virus walaupun sudah mengambil vaksin, terutama apabila mengunjungi Hospital kerana di sini ada pelbagai virus yang kita tak nampak," katanya.

Nabila Shila, 22, dia masih memakai pelitup muka ketika menaiki pengangkutan awam kerana sudah menjadi kebiasaan.

"Saya berasa janggal jika menaiki pengangkutan awam tanpa memakai pelitup muka kerana sebelum ini saya memang akan pakai setiap kali ke tempat kerja.

"Ya sebagai langkah berjaga-jaga kerana kita juga tidak tahu sama ada kita atau orang lain yang membawa virus dan dengan memakai pelitup muka, secara tidak langsung kita dapat mencegah penularan wabak COVID-19," katanya.

Terdahulu, *BH* melaporkan pemakaian pelitup muka tidak lagi diwajibkan dalam pengangkutan awam dan fasiliti kesihatan termasuk hospital; bermula semalam.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 23
RUANGAN : NASIONAL

Mahkamah arah bayar RM5 juta

Kanak-kanak lumpuh akibat kecuai hospital menang saman

Oleh Faris Fuad
faris.fuad@gbh.com.my

Kuala Lumpur: Mahkamah Tinggi mengarahkan seorang kanak-kanak perempuan berusia tiga tahun dibayar lebih RM5 juta susulan saman ke atas sebuah hospital awam yang didakwa

cuai sehingga mengakibatkan mangsa lumpuh.

Nur Adeena Mohd Syahmir yang dilahirkan 12 Mei 2020 melalui pembedahan Caesarean mengalami kecederaan saraf tunjang berikutan komplikasi pembedahan yang menyebabkannya lumpuh dari leher ke bawah.

Hakim Datuk Akhtar Tahir berkata, mahkamah mempertimbangkan keterangan doktor pakar bahawa kanak-kanak itu berkemungkinan hidup sehingga usia 23 tahun, lantas kanak-kanak itu berhak untuk mendapatkan pampasan mencukupi sepanjang hayatnya.

"Tiada jumlah wang yang bo-

leh mengurangkan kesakitan dan penderitaan kanak-kanak itu. Oleh itu, mahkamah hanya boleh memberikan jumlah mencerminkan kerugian dialami serta jumlah itu tidak boleh terlalu tinggi sebaliknya munasabah.

"Mahkamah berpandangan jumlah ganti rugi diberikan mesti mengimbangi sebaik mungkin perbelanjaan tambahan yang akan ditanggung penjaga plaintif (kanak-kanak itu)," katanya.

Sebelum ini, hospital awam terbabit menjalankan siasatan dalaman berhubung komplikasi dialami selepas kelahiran kanak-kanak itu.

Tiada pengalaman

Siasatan mendapati pegawai perubatan bertugas tidak mempunyai pengalaman melakukan pembedahan dan ia dilakukan tanpa pengawasan pakar perbidanan dan sakit puan.

Kanak-kanak itu melalui bapanya, kemudian memfailkan saman terhadap kerajaan dan doktor terbabit dengan mendakwa mereka cuai serta gagal bertindak demi kepentingan mangsa.

Akhtar berkata, mahkamah berpendirian pihaknya tidak diberi kuasa untuk menentukan tempat terbaik untuk rawatan atau cara rawatan dan perkara

itu mesti ditentukan oleh penjaga dengan dalam kes itu adalah ibu bapa.

"Tbu bapa tidak boleh dibelenggu dengan beban memilih rawatan yang lebih murah berbanding rawatan yang lebih baik dan tepat pada masanya.

"Oleh itu, mahkamah tidak boleh menerima dakwaan defendan (kerajaan) bahawa tempat rawatan terbaik adalah kemudahan kerajaan yang percuma atau murah.

"Ini mungkin benar, tetapi faktor lebih penting dalam pandangan mahkamah ialah memutuskan apakah rawatan terbaik. Yang terbaik mungkin bukan yang termurah," katanya.

Hospital Selayang laksana sistem parkir mekanikal

Kuala Lumpur: Hospital Selayang menjadi institusi perubatan kerajaan pertama di Malaysia melaksanakan sistem parkir mekanikal bagi menyelesaikan masalah parkir dan kesesakan kenderaan di hospital.

Pengarah Kesihatan Negeri Selangor, Datuk Dr Sha'ari Ngadiman, berkata sistem teknologi parkir bergerak bertingkat itu diperkenalkan bagi mengatasi isu parkir dan kesesakan di hospital bagi memberi keselesaan kepada pengunjung.

Katanya, Hospital Selayang kini dilengkapi dengan lima menara sistem parkir mekanikal yang boleh memuatkan 60 kenderaan pada satu masa, dan akan ditambah kepada 20 menara yang mampu menempatkan 240 lot parkir pada fasa seterusnya.

"Kita sedia maklum fasiliti kita khususnya hospital, ramai pengunjung yang bawa kereta dan sebagainya sudah pasti parkir menjadi satu isu.

"Justeru, kita menerimaertas kerja dan melihat cadangan parkir mekanikal bagi menga-

tasi masalah parkir ini, sebelum bersetuju untuk parkir mekanikal di kawasan ini (Hospital Selayang) dibangunkan bagi memberi manfaat kepada pengguna.

"Sistem parkir mekanikal di Hospital Selayang mengenakan bayaran serendah RM2 sejam dan maksimum RM14 sehari," katanya pada majlis perasmian parkir mekanikal bertingkat di Hospital Selayang, semalam.

Yang turut hadir, Pengarah Hospital Selayang, Dr Afidah Ali; Pengarah Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) Klang, Dr Zulkarnain Mohd Rawi dan Timbalan Pengarah (Pengurusan) Hospital Sungai Buloh, Mohd Rizal Abdullah.

Dapat sambutan baik

Mengulas lanjut, Dr Sha'ari memaklumkan sistem parkir mekanikal di Hospital Selayang itu mendapat sambutan baik daripada pengunjung sejak ia mula beroperasi bulan lalu.

Beliau juga tidak menolak kemungkinan untuk membangun-

kan sistem parkir sama di hospital kerajaan lain sekitar Selangor tidak lama lagi, khususnya jika ia berjaya masalah kesesakan kenderaan di fasiliti perubatan berkenaan.

"Konsep parkir mekanikal ini

amat membantu, dan di Jabatan Kesihatan Negeri Selangor juga kita ingin melihat hospital lain yang ada di Selangor diberikan kemudahan parkir seumpama ini.

"Contohnya di Hospital Ser-

dang, satu hari hampir 3,000 kenderaan parkir di sana. Begitu juga HTAR di Klang, serta Hospital Sungai Buloh dan sebagainya. Jadi konsep begini dapat memudahkan pengunjung yang datang ke hospital," katanya.




Dr Sha'ari merasmikan parkir mekanikal di Hospital Selayang, semalam.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : LOKAL



DR Sha'ari (empat dari kanan) pada majlis perasmian parkir mekanikal bertingkat di Hospital Selayang, kelmarin.

Oleh Firdaus Hashim
firdaushashim@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Masalah parkir penuh di hospital terutama di Selangor dijangka dapat dikurangkan apabila sistem parkir mekanikal diperkenalkan dengan Hospital Selayang muncul hospital pertama menggunakan teknologi parkir bergerak bertingkat.

Pengarah Kesihatan Negeri Selangor Datuk Dr Sha'ari Ngadiman berkata, hospital kerajaan seluruh Selangor menghadapi masalah menguruskan parkir pengunjung setiap hari.

Katanya, pengenalan sistem parkir mekanikal mampu mengatasi masalah itu sekali gus dapat memberi keselesaan serta manfaat buat pengunjung.

"Ramai pengunjung bawa kereta ke hospital dan sudah pasti parkir menjadi satu isu. Justeru, kita sudah menerima kertas kerja dan melihat cadangan parkir mekanikal."

"Kita akhirnya bersetuju satu parkir mekanikal di kawasan ini (Hospital Selayang) bagi memberi manfaat kepada pengguna," katanya pada majlis perasmian parkir mekanikal bertingkat di Hospital Selayang, kelmarin.

Tak perlu lagi tunggu sejam nak cari parkir

Sistem parkir mekanikal terbukti mampu beri keselesaan, manfaat buat pengunjung hospital

Hadir sama pada majlis itu adalah Pengarah Hospital Selayang, Dr Afidah Ali; Pengarah Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) Klang, Dr Zulkarnain Mohd Rawi dan Timbalan Pengarah (Pengurusan) Hospital Sungai Buloh, Mohd Rizal Abdullah serta Pengarah syarikat Tago Carpark & Logistic Sdn Bhd, Mohamad Faiz Mohd Bashir.

"Pada permulaannya kita bersetuju dengan 20 menara (parkir mekanikal) meliputi 240 parkir lot akan ditambah di kawasan ini, dan dalam fasa pertama ini kita lihat ada lima menara dulu, yang memuatkan 60 parkir," katanya.

Tambah Sha'ari lagi, inisiatif ini akan diperkenalkan di hospital lain sekitar Selangor tidak lama lagi.

"Sebagai contoh, hampir



Ramai pengunjung bawa kereta ke hospital dan sudah pasti parkir menjadi satu isu. Justeru, kita sudah menerima kertas kerja dan melihat cadangan parkir mekanikal"

Dr Sha'ari

3,000 kenderaan parkir di Hospital Serdang setiap hari. Begitu juga HTAR di Klang dan Hospital Sungai Buloh. Jadi konsep begini dapat memudahkan pengunjung yang datang ke hospital," katanya.

Inisiatif daripada kerajaan pusat khususnya melalui Ke-

menterian Kesihatan Malaysia (KKM) dianggap langkah bijak bagi mengatasi masalah parkir sejak sekian lama.

Sementara itu, Mohamad Faiz akui inisiatif dilakukan KKM itu cukup baik, malah maklum balas diterima daripada pengunjung di Hospital Selayang sejak parkir mekanikal digunakan pada 1 Jun lalu amat menggalakkan.

"Berdasarkan maklum balas pengunjung, terbukti parkir mekanikal ini dapat memudahkan mereka dan memendekkan masa penguna yang sebelum ini terpaksa mengambil masa hampir sejam untuk mencari parkir," katanya.

Untuk rekod, kadar bayaran parkir mekanikal ini serendah RM2 sejam dan maksimum RM14 sehari.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : NEGARA

3,084 pembedahan katarak di HRPB tahun lalu, naik 30.2 peratus

IPOH – Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) di sini merupakan hospital terbanyak menjalankan pembedahan katarak di negara ini dengan 3,084 pembedahan dilaksanakan pada tahun lalu.

Pengarah Kesihatan Negeri Perak, Dr. Sirajuddin Hashim berkata, jumlah tersebut merupakan peningkatan sebanyak 30.2 peratus memandangkan sebanyak 2,369 pembedahan katarak telah dilaksanakan di hospital berkenaan pada 2021.

"Dari segi perawatan pula, trend kedatangan pesakit ke Klinik Oftalmologi semakin meningkat. Jumlah kedatangan pesakit bagi kes baru dan kes ulangan bagi 2022 adalah sebanyak 64,879 kes, iaitu peningkatan sebanyak 18.3 peratus berbanding 2021 iaitu sebanyak 54,842 kes.

"Senario ini membuktikan bahawa sumbangan berupa peralatan perubatan kepada pihak hospital amat dihargai demi kelancaran perkhidmatan rawatan kesihatan mata di negeri ini," katanya pada Majlis Penyampaian Peralatan Perubatan Sumbangan Mysuccessland Sdn. Bhd.



RAJA ISKANDAR DZULKARNAIN (dua dari kiri) mendengar penerangan berhubung peralatan perubatan dari kakitangan HRPB, Ipoh semalam.

di HRPB, di sini semalam.

Raja Di-Hilir Perak, Raja Iskandar Dzulkarnain berkenan mencemar duli ke majlis itu.

Pada program berkenaan Mysuccess Land menyerahkan sumbangan peralatan perubatan bernilai RM95,000 iaitu A- Scan Machine dan Handheld AutoRef

Keratometer kepada Jabatan Oftalmologi hospital tersebut.

Dr. Sirajuddin berkata, pelbagai perkhidmatan ditawarkan oleh Jabatan Oftalmologi HRPB, termasuk membuat diagnosis, memberi rawatan harian, rawatan kecemasan dan susulan bagi kes-kes penyakit mata.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 15
RUANGAN : MAHKAMAH & JENAYAH

Kanak-kanak tiga tahun lumpuh akibat kecuaiannya hospital diberi pampasan lebih RM5 juta

KUALA LUMPUR - Mahkamah Tinggi di sini pada Isnin, menganugerahkan pampasan lebih RM5 juta kepada seorang kanak-kanak perempuan berusia tiga tahun, berhubung saman terhadap Kerajaan Malaysia dan 18 pegawai perubatan atas faktor kecuaiannya hingga mengakibatkan lumpuh dari leher hingga ke bawah.

Menerusi keputusan penghakiman, Hakim Datuk Akhtar Tahir berkata, kanak-kanak itu berhak mendapat pampasan yang mencukupi sepanjang hayatnya.

Pada 12 Mei 2020, kanak-kanak berkenaan, Adeena Mohd Syahmir selaku plaintif, dilahirkan melalui pembedahan di sebuah hospital di sini, namun mengalami kecederaan saraf tunjang sehingga menyebabkannya lumpuh bermula dari leher hingga ke bawah.

Menurut Akhtar, berdasarkan keterangan doktor pakar dan keadaan plaintif, kanak-kanak itu mungkin mampu hidup sehingga ke usia 23 tahun.

"Dia berhak mendapat pampasan yang mencukupi sepanjang hayatnya, namun tiada jumlah wang yang boleh mengurangkan kesakitan atau penderitaannya.

"Maka mahkamah hanya mampu memberikan jumlah yang mencerminkan

kerugian dialami, dengan kadar yang munasabah, tetapi ia tidak boleh terlalu tinggi.

"Mahkamah juga berpandangan jumlah ganti rugi yang diberikan mesti mengimbangi sebaik mungkin perbelanjaan tambahan yang akan ditanggung oleh penjaga plaintif," katanya.

Beliau berkata, mahkamah juga tidak diberi kuasa untuk menentukan tempat terbaik untuk rawatan atau cara rawatan sebaliknya mesti ditentukan oleh penjaga atau dalam kes berkenaan adalah ibu bapa plaintif.

"Mereka tidak boleh dibelenggu dengan beban untuk memilih rawatan yang lebih murah berbanding pemulihan terbaik dan tepat pada masanya.

"Oleh itu, mahkamah tidak boleh menerima dakwaan defendan (kerajaan) bahawa tempat rawatan terbaik adalah kemudahan kerajaan yang percuma atau murah.

"Ini mungkin benar tetapi faktor yang lebih penting dalam pandangan mahkamah ialah memutuskan jenis rawatan terbaik, bukannya yang termurah," kata ha-



AKHTAR

kim.

Sebelum ini, hospital berkenaan menjalankan siasatan dalaman berhubung kompliksi terbabit selepas kelahiran kanak-kanak itu.

Siasatan mendapati, pegawai perubatan yang bertugas tidak mempunyai pengalaman melakukan pembedahan dan ia dilakukan tanpa pengawasan pakar perbidanan dan sakit puan.

Kanak-kanak itu melalui bapanya, kemudian memfailkan saman terhadap kerajaan dan doktor terbabit dengan mendakwa mereka cuai dan gagal bertindak demi kepentingan mangsa.

Plaintif dalam kes ini memulakan tuntutan di atas kecuaiannya perubatan terhadap 19 pihak selaku defendan-defendan iaitu Kerajaan Malaysia dan 18 pegawai perubatan.

Dia mendakwa, akibat kecuaiannya perubatan itu, seorang bayi perempuan mengalami kecederaan saraf tunjang menyebabkannya lumpuh.

Plaintif pada masa ini, terpaksa bergantung kepada ventilator dan mempunyai trakeostomi yang melekat padanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 23

RUANGAN : NEGERI

Hospital Selayang hospital pertama guna parkir mekanikal



Dr Sha'ari (depan, lapan dari kiri) hadir merasmikan pembukaan parkir mekanikal di Hospital Selayang.

SELAYANG - Hospital Selayang merupakan hospital pertama di Malaysia yang menggunakan teknologi sistem parkir mekanikal bagi mengatasi isu parkir terhad di pusat perubatan itu.

Pengarah Kesihatan Negeri Selangor, Datuk Dr Sha'ari Ngadiman berkata, isu tersebut dihadapi di semua hospital kerajaan seluruh Selangor.

Menurutnya, pengenalan sistem parkir mekanikal dijangka mampu mengatasi masalah parkir dan kesesakan di hospital sekali gus dapat memberi manfaat buat pengunjung.

"Kita sedia maklum fasiliti khususnya hospital, ramai pengunjung membawa kereta dan sudah pasti parkir merupakan salah

satu masalah.

"Kita terima kertas kerja ini dan bersetuju cadangan parkir mekanikal untuk atasi parkir terhad.

"Akhirnya kita melaksanakan parkir mekanikal di Hospital Selayang bagi memberi manfaat kepada pengguna," katanya pada majlis perasmian parkir mekanikal bertingkat di Hospital Selayang baru-baru ini.

Beliau berkata, kemudahan itu menyediakan 60 petak parkir meliputi lima menara bagi fasa pertama dan akan ditambah mengikut keperluan.

"Konsep parkir mekanikal ini amat membantu dan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor ingin melihat hospital-hospital lain yang

ada di Selangor diberikan kemudahan parkir seumpama ini," katanya.

Sementara itu, Pengarah Syarikat Tago Carpark & Logistic Sdn Bhd, Mohamad Faiz Mohd Bashir yang membangunkan sistem parkir mekanikal itu berkata, inisiatif dilakukan Kementerian Kesihatan Malaysia cukup baik dan menerima maklum balas positif daripada pengunjung di Hospital Selayang sejak beroperasi 1 Jun lalu.

Beliau gembira apabila diberikan peluang untuk menjayakan inisiatif ini dan membantu memudahkan orang ramai mendapat parkir dalam tempoh singkat.

Kadar bayaran parkir mekanikal ini dicaj RM2 sejam dan had maksimum RM14 sehari.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : DALAM NEGERI

Cuai: Budak empat tahun, ibu perolehi ganti rugi lebih RM8 juta

Oleh SUWARNI MOKHTAR
utusannews@mediamulla.com.my

KUALA LUMPUR: Seorang kanak-kanak perempuan berusia empat tahun dan ibunya memperoleh ganti rugi lebih RM8 juta ekoran kecuaiannya sebuah hospital kerajaan sehingga menyebabkan kanak-kanak itu mengalami kecacatan otak.

Mahkamah Tinggi di sini memutuskan demikian selepas Kerajaan Malaysia mengakui liabiliti terhadap kecuaiannya itu.

Perkara itu disahkan oleh peguam, Karthi Kathabalan yang mewakili dua beranak itu bersama-sama Alicia Chin ketika dihubungi semalam.

Menurut penghakiman bertarikh 14 April lalu oleh Hakim

Roz Mawar Rozain yang dilihat oleh media, jumlah ganti rugi yang diberikan kelihatan seperti 'durian runtuh' tetapi ia hanyalah untuk memastikan kelangsungan hidup plaintif.

"Ia merupakan satu pengajaran yang mahal buat defendan tetapi tiada sebarang jumlah yang mampu memperbaiki kerosakan kepada kanak-kanak itu. Kesakitan dan kesengsaraan turut ditanggung oleh plaintif dan ahli keluarga," katanya.

Menurut saman yang difailkan pada November 2020, dua beranak itu selaku plaintif pertama dan kedua pada mulanya menamakan sembilan defendan terdiri daripada doktor dan kakitangan sebuah hospital termasuk kerajaan.

Kanak-kanak terbabit mengalami *spastic quadriplegic cerebral palsy* setelah dilahirkan selepas pihak hospital lambat mengarahkan pembedahan kecemasan caesarian.

Ibunya yang merupakan seorang kerani mempunyai sejarah perubatan berisiko tinggi dan pada mulanya dijadualkan menjalani pembedahan pada 18 Mac 2019. Bagaimanapun pada pukul 8 malam 17 Mac 2019, kanak-kanak yang masih berada dalam rahim ibunya dikesan mengalami simptom 'degupan jantung rendah'.

Namun keputusan menghantar ibu kanak-kanak itu untuk menjalani pembedahan hanya dibuat pada pukul 9.20 malam dan kelahirannya hanya dilaku-

kan pada 10.14 malam.

Selepas dilahirkan, kanak-kanak itu didapati mengalami Hypoxic-ischemic encephalopathy (sejenis kerosakan otak akibat kekurangan oksigen).

Pada 28 Januari 2022, Mahkamah Tinggi di sini merekodkan penghakiman persetujuan selepas kerajaan mengakui sebagai liabiliti.

Sehubungan itu, kedua-dua plaintif menarik balik saman terhadap doktor dan kakitangan hospital terbabit tanpa sebarang perintah berhubung kos.

Menurut penghakiman Hakim Roz Mawar, ganti rugi khas sebanyak RM209,172 untuk kedua-dua plaintif telah ditetapkan, RM350,000 bagi ganti rugi teruk dan kanak-

kanak itu turut menerima ganti rugi am sebanyak RM500,000 manakala ibunya menerima RM114,000 bagi ganti rugi sama.

Mahkamah turut memerintahkan Kerajaan membayar ganti rugi masa hadapan RM173,853.90 setahun bagi tempoh 40 tahun (tempah jangka hayat plaintif pertama yang dianggarkan oleh pakar perubatan) yang keseluruhannya berjumlah RM6,954,156.

Dua beranak itu turut menerima kos berjumlah RM215,177.25.

Dalam penghakimannya, Hakim Roz Mawar turut memerintahkan agar kesemua ganti rugi itu digunakan hanya untuk perubatan dan penjagaan kanak-kanak perempuan tersebut.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 15

RUANGAN : RENCANA

UIAM
BERHUJAH



Oleh
Dzulkipli Abdul Razak

TIDAK diduga, kes mengenyah racun nikotin daripada Senarai Racun di bawah Akta Racun 1952 akan bertembung juga kesudahannya. Ini memandangkan kemudaran yang dialami sejak 1 April lalu apabila keputusan dangkal itu dipaksakan. Apa lagi setelah begitu banyak nasihat dan pujuk rayu dilakukan bagi memikir semula langkah 'sesat' tersebut supaya kembali ke pangkal jalan.

Bukan sahaja ruangan ini membuat teguran tersebut, malahan pelbagai badan profesional kesihatan serta ilmiah berbuat sedemikian. Apatah lagi pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta ibu bapa dan guru yang menyuarakan kebimbangan berkaitan derita menimpa anak-anak umur semuda dua tahun teracun di Bera, bulan lalu. Seorang gadis belasan tahun meninggal dunia akibat serupa.

Pendek kata, tidak ada sebab mengapa pertembungan berkenaan perlu berlaku sekiranya pihak berkenaan khususnya Menteri Kesihatan sendiri 'insaf' lalu mengambil langkah sesuai untuk menyelamatkan keadaan dengan baik.

Antara sebab asas beradab serta demokratik adalah pertama, menghormati pihak berwajib yang menentukan keadaan terus kekal seperti mana biasa. Yakni tiada sebarang perubahan terkini sekalipun. Tambahan mereka terlibat adalah golongan pakar serta arif pula dalam segala selok-belok isunya. Pun begitu, malang sebaliknya berlaku pada saat-saat akhir seakan-akan terdesak bagi menolak dan menterbalikkan pendapat teramai. Tiada apa-apa keterangan munasabah dihulurkan.

Hal kedua, mengambil iktibar daripada tindak-tanduk negara lain yang mempunyai dasar terus mengharuskan nikotin dalam bentuk vape untuk peringkat usia remaja tertentu. Ataupun mengakui pandangan sejagat melalui badan seperti Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Menuntut keadilan atas kesan mengenyah nikotin

KAJIAN sains membuktikan nikotin adalah bahan racun dan mempunyai kesan ketagihan seperti dadah heroin. - UTUSAN/SADDAM YUSOFF

Berbeza sungguh dengan gelagat terkini di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) melibatkan seorang pelancong..."

Ketiga, apatah lagi apabila Ketua Pengarah WHO menunjukkan nasihat bernas terhadap langkah sumbang Malaysia di mata dunia.

Keempat, mematuhi sumpahan profesional golongan perubatan dalam menegah perlakuan yang boleh mengakibatkan kemudaran diri (*first do no harm*). Tidak ubah seperti digalakkan dalam Islam, berbuat baik tetapi menolak segala yang mungkar seperti mendedahkan serta mempermudah

penggunaan nikotin dan vape bentuk cecair atau gel.

Kelima, mengesahkan keputusan serta tindakan bersandar hakikat serta bukti sains kukuh lagi padat khususnya nikotin adalah bahan racun serta mempunyai kesan ketagihan selaras dadah heroin. Kalau betul heroin dianggap musuh utama negara, mengapa nikotin untuk vape diambil enteng sahaja?

Paling aneh, semua hujah tersebut bukan baharu lebih-lebih bagi para profesional yang beriltizam lagi cekal. Mampu bertindak secara yakin dan berani atas penguasaan ilmu bersendi bukti jelas dan pasti. Tidak pasal berdolak-dalik apabila nyawa dan keafiatan anak bangsa terancam terang-terangan tanpa sebarang syak wasangka.

Sewajarnya tegas beramanah menyatakan kebenaran. Bukan meletakkan diri dan mendahului ego lantas menggadaikan maruah negara. Sedangkan melayan golongan tersepit atas angan-angan angkuh dan sombong untuk berkuasa!

Inilah yang banyak berlaku sekarang. Cakap tidak serupa bikin. Kadang celupar dan kesat pekertinya. Semua menunjukkan bibit-bibit mungkar yang kini dipandang ringan belaka.

RUKUN MADANI

Sekurang-kurangnya tunjukkanlah Malaysia Madani seperti sering diuar-uarkan melalui enam rukun yang telah diperincikan. Pertama, mampan. Melepaskan nikotin daripada Akta Racun 1952 pasti tidak akan berlaku kemampunan. Malah memburukkan lagi seperti yang terjadi tiga bulan lalu. Cuai dan lesu berfikir.

Rukun kedua, sejahtera - pasti tidak kena sekali. Kalau tidak masakan ada pertembungan undang-undang seperti dilaporkan kerana tidak sejahtera.

Ketiga, rukun daya cipta. Lagi sekali tidak kerana kecelakaan yang dibawa setakat ini dan tidak membuka peluang sebarang daya cipta madani.

Keempat, hormat. Juga begitu malah lebih teruk. Cara

dasar mengenyah nikotin agak 'biadab', tiada unsur 'hormat'. Suatu hal yang tidak langsung bertamadun dalam semua segi.

Kelima, rukun keyakinan - yakni mengekal dan mengakari kepercayaan beramanah. Jelas ini dusta nyata. Ramai terpedaya keputusan menteri, Kabinet dan kerajaan membela mereka. Tetapi bohongan yang mengundang tindakan membolehkan sebahagian daripada mereka menuntut keadilan mahkamah.

Akhir sekali, ihsan. Ihsan apa? Segala-gala kusut masai, kelimat-kabut.

Merumitkan keadaan apabila ribuan remaja dan anak muda terjerumus dalam alam keracunan dan ketagihan yang disengajakan apabila nikotin terlepas daripada kawalan.

Ringkasnya, tindakan tersebut menyalahi setiap satu rukun madani yang tertera sepertimana di sesawang rasmi kerajaan. Belum pum mengambil pandangan ulama + muktabar. Oleh itu, mengapa diteruskan juga sehingga hari ini seolah-olah mempunyai agenda yang lebih utama daripada keafiatan bangsa dan rakyat jelata?

Berbeza sungguh dengan gelagat terkini di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) melibatkan seorang pelancong yang kononnya tidak dikenakan masuk ke Malaysia. Betul atau tidak, tindakannya jelas dan deras. Ada yang turun padang hampir serta-merta. Begitu juga penyiasatan itu dan ini oleh pelbagai pihak. Laporan polis dibuat, suara sokongan ada sebaliknya kedengaran dalam menegakkan cerita atau dongeng masing-masing! Sedangkan bagi yang bergelumang dengan isu nikotin-vape, terus sunyi sepi.

Tiada turun padang mencegah atau menjengah mangsa terlibat. Begitu juga dari segi penerangan dalam media massa rasmi untuk mendidik atau menarik semula salah perhitungan yang menjadikan Malaysia lawak seluruh dunia. Sebab itu, pertembungan dan semakan undang-undang dilakukan agar terbelah hendaknya mereka yang teraniaya supaya tidak berulang lagi bagi yang berniat durjana.

PROFESOR Emeritus Tan Sri Dzulkipli Abdul Razak ialah Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NEWS / NATION

WOODEN TO CONCRETE STRUCTURES

'23 dilapidated Sabah clinics being upgraded'

KOTA KINABALU: Out of 327 health clinics in Sabah, 95 are dilapidated, said newly minted state Health director Dr Asits Sanna.

However, 23 of these dilapidated health clinics are undergoing upgrades and are expected to be fully completed this year.

The rest will be upgraded in stages via the Sabah Health Department strategic plan.

"For a start, 23 dilapidated health clinics will be upgraded from wooden to concrete structures this year.

"So far, two of them, namely the Lajong Village Clinic in Kudat and the Mumiang Village Clinic in Sandakan, have been completed, and the remaining 21 projects are targeted to be fully completed by the end of November," he said in a statement after a courtesy visit to Yang Dipertua Negeri Tun Juhar Mahiruddin at the state palace.

Dr Asits added that the department was also looking at improving the infrastructure and facilities of two hospitals.

"The department is working

towards upgrading the Beaufort and Kota Marudu hospitals from district hospitals to specialist hospitals, both of which are already listed in the 10th Malaysia Plan and the 11th Malaysia Plan.

"At the same time, we are also upgrading two specialist hospitals — the Tawau Hospital and the Duchess of Kent Hospital in Sandakan — to the status of state hospitals as has been planned in the Health Ministry White Paper," he said.

Dr Asits added that the department was also planning to set up dental clinics in 90 health clinics that currently did not have dental facilities.

Another inclusion in the department's strategic plan is the construction of the Sabah Health Department Building to consolidate all departments in a single building.

"At present, some departments are renting at other buildings. Therefore, we are planning this project, and it will be included in the 13th Malaysia Plan or the 14th Malaysia Plan," he added.



Sabah Health director Dr Asits Sanna (left) paying a courtesy call on Yang Dipertua Negeri Tun Juhar Mahiruddin at the Sabah state palace yesterday. PIC COURTESY OF SABAH INFORMATION DEPT

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NEWS / NATION

NewStraitsTimes • THURSDAY, JULY 6, 2023

8

NEWS / Nation

TETRAPLEGIC

RM5.3m AWARD FOR GIRL LEFT PARALYSED

Three-year-old paralysed from the neck down due to medical negligence during her Caesarean birth

RAHMAT KHAIRULRIJAL
KUALA LUMPUR
rahmat@nst.com.my

THE High Court awarded more than RM5.3 million to a three-year-old girl who was left paralysed from the neck down due to medical negligence during her delivery.

The girl, who was born on May 12, 2020, via Caesarean section,

suffered a spinal cord injury leaving her a tetraplegic.

She now depends on a ventilator and has a tracheostomy attached to her.

The girl, through her parents, sued the government and 18 medical officers attached to the government hospital over the incident.

However, on July 26 last year, the government admitted liability after which the plaintiff with-

drew claims against the other respondents.

Judge Datuk Akhtar Tahir, in his judgment, said no amount of money could lessen the pain and suffering of the plaintiff.

Akhtar said the court must give sufficient compensation to cover the plaintiff for the rest of her life.

"The court is of the view the amount of damages awarded must compensate as best as possible the additional expenses that will be incurred by caregivers in caring for the plaintiff with the disabilities suffered.

"However, the amount must discount normal expenses incurred in the upbringing of a

healthy and normal child.

"The court also cannot accept the contention of the defendant (the government) that the best place for treatment is government facilities that are free or cheap."

Akhtar said the place and manner for treatment must be determined by the caregivers, in this case, the parents.

"The parents must not be shackled by the burden of choosing cheaper treatment as opposed to better and more timely treatment.

"The court's duty in assessing damages is to provide the plaintiff with a budget that will provide the best medical care for the

duration of the girl's life expectancy.

"The court is confident in this case that the caregivers, being the parents, will be prudent in using the budget in the best possible manner for the best treatment."

He added that the court also viewed it necessary for a trained nurse to be available in the event of an emergency or a regular visit.

It was learnt that the hospital, in its internal inquiry, revealed that the medical officer involved in the incident had no experience to perform the surgery.

The surgery was also done without supervision by any obstetrician and gynaecologist.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NATION

Masking up still a preference

Some rather use it than get infected although mask SOP is lifted

Better safe than sorry:
Most passengers on a local bus in George Town, Penang still prefer wearing masks in public.
— K.T. GOH/The Star



By N.TRISHA
trishang@thestar.com.my

GEORGE TOWN: The face mask ruling is off, but many people are still using face masks in hospitals and on public transport.

Among them were Ann Chong and her husband Soo Hoe Ong, both 73, who said they were now used to wearing face masks in enclosed areas.

"We take the bus once in a while to 'ronda' (roam about) in the city after getting restless sitting at home.

"We take extra precautionary measures like masking up in enclosed places, especially on the bus which can be crowded at times.

"Despite the changes in the standard operating procedure (SOP), people will still wear their face masks," said the retired sub-editor.

Chong said she would even put on a face mask at home if her husband was having a cough.

She added that both of them had not contracted Covid-19 and would like to keep it that way.

"I'll put on a face mask when I go to the hospital and I'll make sure I wear a new one upon leaving the place," she said.

College students Tan Shian Chyn, 23, and Gan Si Ki, 22, said they were used to wearing face masks in outdoor settings.

"We will still wear it whenever we board a bus as it is always better to be safe than sorry.

"We need to protect ourselves as the virus is still out there.

"Also, it looks odd without wearing face masks in public nowadays. After all, we have been doing this for a few years," said Tan when met at the Komtar Bus Terminal yesterday.

Penang Hospital translator B. Premala, 66, said she would put on a face mask at work as she fell under the high-risk category.

"I have diabetes and high-blood pressure, which makes it dangerous if I were to contract Covid-19.

"There are Covid-19 patients who come to hospital every day. Although we will be told to move away, it is still unsafe if I do not wear my mask.

"I used to double mask but it

messes with my breathing.

"Even now with my four-ply mask, there were times when I had breathing difficulties. But it is still safer doing that than getting Covid-19," she said.

Lee Song Hin, 71, who has been running a pharmacy along Penang Road for the past 30 years, said demand for face masks had gone down over the course of six months.

"The demand has seen a gradual decline and now with the changes in SOP, I expect it to go down further.

"Many people have stopped wearing masks and there are some who buy it online.

"As we still have balance stock for now, we will not make new orders.

"There are days when we still have people walking in specifically to buy a box of face masks, usually the foreign tourists," he said.

Lee said there would still be demand for such items as masking up was still compulsory at certain places.

"I guess some places would still

impose their own SOP.

"One of the banks still gave me a face mask when I went in the other day.

"We will just finish our stocks as the shelf life for masks is two years," he added.

It was also recently reported that effective yesterday, the isolation period for Covid-19 patients had been shortened from seven to five days.

This was in view of studies which showed that infectivity was high in the first five days from the onset of symptoms when the viral load was high, said Health Minister Dr Zaliha Mustafa.

She also said that the wearing of face masks would no longer be compulsory on public transport and in hospitals.

However, she said that people with respiratory symptoms were encouraged to mask up to avoid spreading infections on public transport.

Also, Covid-19 positive individuals and those handling them are required to wear face masks in healthcare facilities.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : NATION

Over RM8mil awarded in childbirth negligence case

KUALA LUMPUR: The High Court here has awarded more than RM8mil to a woman and her four-year-old daughter who suffered severe and irreversible brain damage during the child's birth at a government hospital.

In the grounds of judgment issued on April 17, Judicial Commissioner Roz Mawar Rozaini made the decision after the government confirmed the admission of liability for the plaintiff's claims with damages and costs.

In November 2020, the woman and her daughter filed a suit against the government and eight individuals, comprising medical officers and staff, for medical negligence.

However, on Jan 28, 2022, the High Court recorded a consent judgment that confirmed the admission of liability by the government, and the plaintiffs withdrew the suit against other defendants with no order as to costs.

Roz Mawar awarded both plaintiffs RM209,172 for special damages and general damages of RM500,000 to the first plaintiff (the child), and RM114,000 to the mother.

Both the plaintiffs are awarded aggravated damages in the sum of RM350,000. For future general damages, the first plaintiff is awarded a total of RM6,954,156 for 40 years.

"This court finds that a reasonable amount because, on average, her care amounts to RM173,853.90 per year. The court also ordered RM215,177.25 for costs," she said.

In her judgment, Roz Mawar said the pain and suffering also extends to the second plaintiff and the rest of her family.

"The amount of damages awarded may, at first instance, look like a fortune, but when employed according to this court's order, it would only ensure some convenience for her survival," she said.

According to Roz Mawar, this was a tragic case where the first plaintiff suffered severe and irreversible brain damage at birth on March 17, 2019, at the government hospital, and the second plaintiff, who had a high-risk obstetric history, and was initially scheduled to undergo an emergency lower segment caesarean section on March 18, 2019.

"By 8pm on March 17, 2019, the first plaintiff in utero showed signs and symptoms of bradycardia (slower than normal heart rate). Despite detecting that, a delayed decision was made at 9.20pm for the second plaintiff to undergo an emergency caesarean.

"Nonetheless, further delays followed before the first plaintiff was delivered at 10.14pm. It was noted at birth that the first plaintiff suffered hypoxic-ischemic encephalopathy (brain injury due to insufficient oxygen) and its sequelae (or after-effects), including severe brain damage," said Roz Mawar.

Meanwhile, the duo's counsel, Karthi Kanthabalan, said the government had filed an appeal. — Bernama